

10 MAY 2003

MIC-Identiti

MASYARAKAT INDIA DI M'SIA PERLU IDENTITI BARU, KATA SAMY

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Kemunculan identiti baru bagi masyarakat India di negara ini adalah penting bagi memastikan kesinambungan masyarakat itu di Malaysia, kata Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

"Imej baru itu perlu menampilkan masyarakat India di Malaysia sebagai yang mampu bertahan, mempunyai latar belakang pendidikan yang baik, berdaya saing dan mampu menangani cabaran masa depan," katanya.

Yang paling penting dalam identiti baru ini ialah kemampuan untuk mengatasi imej buruh pada masyarakat itu kepada sesuatu yang menampilkan siapa sebenarnya kita pada hari ini, apa yang kita telah capai dan akan capai di masa depan."

"Sejak 20 tahun lepas, MIC secara perlahan-lahan telah berusaha menjalin satu identiti kukuh dan berbeza bagi masyarakat India berbanding sebelum ini.

"MIC mahu melihat penstrukturan menyeluruh dan orientasi baru bagi masyarakat India di Malaysia dalam menghadapi cabaran abad ke 21," katanya dalam ucapan presiden di Perhimpunan Agung Tahunan MIC ke 57 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini. Perhimpunan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan turut serta ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata selama lebih 150 tahun, kaum India dikenali sebagai buruh kasar dan pekerja yang bergaji rendah tanpa pendidikan yang sesuai dan dianggap sebagai satu kaum yang tidak mempunyai masa depan yang cerah.

"Kita perlu mengubah imej ini menerusi usaha-usaha teratur dengan menyediakan infrastruktur pendidikan bagi masyarakat yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah," katanya.

Bercakap mengenai bahasa dan sekolah Tamil, Samy Vellu berkata kedua-duanya merupakan satu unsur yang penting dalam masyarakat India Malaysia.

"Sebagai warisan sejarah dan budaya yang harus dibanggakan oleh semua rakyat Malaysia, kewujudan sekolah-sekolah Tamil harus dikekalkan dan diperkayakan menerusi peruntukkan tambahan," katanya.

Samy Vellu berkata parti itu telah merangka satu pelan tindakan strategik termasuk pembentukan pemantauan menerusi Majlis Bertindak Kebangsaan bagi Sekolah-sekolah Tamil untuk meningkatkan taraf sekolah-sekolah Tamil di negara ini.

Beliau berkata MIC mengakui bahawa terdapat perubahan daripada segi infrastruktur dan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah Tamil.

"Namun, masih terdapat kekurangan yang perlu diperbaiki. Kerajaan, parti dan masyarakat harus berganding bahu untuk memperbetulkan segala kekurangan dan memastikan semua sekolah Tamil setaraf dengan sekolah-sekolah lain," katanya.

Menyentuh mengenai politik MIC, Samy berkata anggota dan pemimpin parti itu perlu bersama-sama menghadapi cabaran baru dan menggunakan segala peluang yang ada untuk memaju dan meningkatkan taraf hidup masyarakat India Malaysia.

Proses pemilihan di peringkat cawangan tahun ini mencerminkan kematangan politik yang tinggi di kalangan anggota-anggota MIC, dengan hanya 80 cawangan daripada 4,300 cawangan parti itu menyaksikan pertandingan.

"Ini menunjukkan persefahaman dan kerjasama yang wujud di kalangan pemimpin. Suasana ini membolehkan kepimpinan di semua peringkat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sosio politik dengan lebih berkesan,"

katanya.

Beliau juga berkata adalah menjadi tugas dan tanggungjawab semua pemimpin MIC untuk berusaha keras demi kepentingan masyarakat dan memastikan rakyat pada peringkat akar umbi menikmati faedah daripada peluang-peluang yang wujud.

-- BERNAMA

SR MFJ PR